

# Malaysia, Pakistan setuju perhebat hubungan perdagangan

BERITA HARIAN 12 APR 2024 m/s: 3

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Pakistan mahu meneroka ruang untuk memperhebatkan hubungan, terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu dipersetujui dalam perbualan di antara Perdana Menteri yang dihubungi rakan sejawatnya dari Pakistan,

Shehbaz Sharif, malam kelmarin.

Menerusi hantaran di laman sosial rasminya, Anwar memaklumkan, beliau dan Shehbaz menzahirkan harapan supaya hubungan kedua-dua negara terus diperkukuh dan pemimpin Pakistan itu turut mengulangi undangan kepada Perdana Men-

teri untuk mengadakan lawatan rasmi ke Pakistan secepat mungkin.

“Saya juga menyambut baik cadangan PM Shehbaz bagi mengeksport daging halal dari Pakistan ke Malaysia. Selain itu, kami turut membincangkan pelbagai isu serantau dan antara-bangsa termasuk situasi di Gaza

dan Afghanistan. PM Shehbaz juga memuji pendirian Malaysia terkait permasalahan di Palestin.

“Mendoakan semoga hubungan Malaysia dan Pakistan akan terus berkembang demi manfaat bersama, Insya-Allah,” catat Anwar dalam hantaran berkenaan.

Shehbaz dipilih sebagai Perdana Menteri ke-24 Pakistan pada bulan lalu. Ini penggal kedua adik kepada Presiden Liga Muslim Pakistan-Nawaz (PML-N), Nawaz Sharif itu memimpin negara berkenaan, mengikut jejak abangnya yang juga pernah menjadi Perdana Menteri sebanyak tiga kali.